

'Tambah pengaruh dalam forum antarabangsa'

BH 20 NOV 2000

Oleh Mutazar Abd Ghani, Wan Jailani Abd Razak, Saidon Idris dan Azli Ayob

LANGKAWI, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, isu berhubung perwakilan yang lebih besar dari negara membangun dalam forum antarabangsa perlu ditangani segera.

Perdana Menteri berkata, perwakilan yang besar dari segi bilangan saja tidak memberi sebarang kelebihan, jika negara membangun tidak mempunyai pengaruh dalam forum seumpama itu.

Katanya, negara membangun mewakili tiga perempat keahlian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), namun disebabkan pergantungan terhadap negara maju dalam import, eksport, bantuan dan keselamatan, mereka tidak dapat menggunakan kelebihan itu.

Beliau berkata, ini jelas menunjukkan ketidakupayaan negara membangun menggunakan faktor perwakilan yang besar untuk mempengaruhi agenda dan rundingan perdagangan yang boleh memihak kepada mereka.

"Ini sekali lagi menunjukkan kelemahan ekonomi memberi kesan dalam pelbagai cara kepada negara membangun. Ekonomi yang terhad menyebabkan kekurangan dalam sumber manusia dan teknikal.

"Ini diterjemahkan dengan ketidakupayaan untuk menghadiri 40 hingga

Negara membangun mewakili tiga perempat keahlian WTO, namun disebabkan pergantungan terhadap negara maju dalam import, eksport, bantuan dan keselamatan, mereka tidak dapat menggunakan kelebihan itu

50 mesyuarat yang diadakan setiap minggu di Geneva, kurang persediaan berunding dengan rakan dari negara maju, manakala tahap kepakaran perundingan rendah pula menjejaskan hasil penyelesaian pertikaian diadakan," katanya ketika berucap pada majlis pembukaan dan jamuan makan malam sempena LID 2000, di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, dalam menghadapi kekurangan berkenaan, negara membangun mesti mengukuhkan kerjasama antarabangsa bagi memastikan sistem pentadbiran global berkesan, dengan setiap negara tanpa mengira saiz atau kekuatan ekonomi, mempunyai suara.

Katanya, rangkaian berkenaan boleh bertindak sebagai sistem pengawasan daripada masalah yang mungkin menyusup ke dalam ekonomi negara membangun.

Beliau berkata, langkah untuk mewujudkan struktur perdagangan pelbagai

hala baru tidak sepatutnya dipandang mudah kerana ia memerlukan usaha panjang dan sukar.

"Sebelum ini ada negara bersedia mencapai persetujuan dalam mana-mana perjanjian pada saat-saat akhir – walaupun tidak berpuas hati – supaya perjanjian itu dipersetujui. Kini mereka tidak lagi rela berbuat demikian.

"Kegagalan rundingan di Seattle adalah bukti negara membangun tidak lagi bersedia untuk menjadi pak turut. Pengalaman pahit sudah dipelajari daripada kegagalan Rundingan Pusingan Uruguay.

"Usaha dan matlamat yang dikenali sebagai 'mekanisme pengantara' agensi perdagangan pelbagai hala antarabangsa amat diragui. Sementara globalisasi mungkin berhujah ia bukan permainan siapa menang, dia mengaut semua, malah bahagiannya adalah besar dalam semua aktiviti ekonomi, perdagangan, kewangan atau perundingan ekonomi," katanya.